

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	1 March 2015

# Kekalkan bangsa hebat, bermaruah

» Najib mahu orang Melayu terus disegani, dihormati

Oleh Mohd Hamizar Hamid dan Ahmad Suhael Adnan  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur


**D**atuk Seri Najib Razak menggariskan tujuh amanat utama yang perlu dipertahankan orang Melayu untuk terus kekal hebat, bermaruah dan berkat.

Amanat itu, termasuk keperluan melatih orang Melayu menjadi bangsa berpengetahuan dan mengukuhkan ekonomi mereka selain menyentuh keperluan memperjuangkan kepentingan agama Islam dan syariahnya; mempertahankan institusi Raja Melayu dan keistimewaan orang Melayu; menegakkan maqasid syariah dengan bersikap sederhana; menjaga nilai murni dan menjaga institusi keluarga.

Berucap pada Perhimpunan Perpaduan Melayu di hadapan kira-kira 20,000 hadirin di Stadium Putra, Bukit Jalil, di sini, malam tadi, Perdana Menteri berkata: "Amanat ini bagi mewakili semua pemimpin Melayu dan hendaklah dijadikan peringatan

*"Selagi ada bulan dan bintang serta selagi darah Melayu mengalir di tubuh kita, amanat ini menjadi wadah dan masalah umat ini dan kita akan terus perjuangkan sampai bila-bila"*

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri



kekal dan ia juga ingatan untuk kita semua.

#### Perjuang Melayu

"Selagi ada bulan dan bintang serta selagi darah Melayu mengalir di tubuh kita, amanat ini menjadi wadah dan masalah umat ini dan kita akan terus perjuangkan sampai bila-bila.

"Kita tidak mahu lihat orang Melayu dihina, orang Melayu diperlekeh. Kita mahu orang Melayu menjadi bangsa disegani, dihormati dan bermaruah," katanya.

Oleh itu tegas beliau, paling utama orang Melayu perlu mempertahankan Islam sebagai agama persekutuan dan Melayu per-

lu mempertahankan institusi Raja dengan pendekatan wasiaty dan kemudian perlu menegakkan maqasid syariah menangkumi nyawa, akal, harta dan keturunan.

"Orang Melayu juga tidak sepatutnya menjadi terlalu ekstrem dan tidak juga menjadi terlalu liberal," katanya pada perhimpunan yang dihadiri pelbagai institusi serta badan bukan kerajaan (NGO) Melayu, Islam dan Bumiputera seluruh negara.

Perhimpunan anjuran Majlis Perundangan Melayu (MPM) itu diadakan selepas 69 tahun perhimpunan pertama diadakan. Yang turut hadir, pucuk pimpinan

UMNO dan Setiausaha MPM, Datuk Dr Hasan Mad.

Najib yang juga Presiden UMNO berkata, masyarakat Melayu perlu memperkukuh ekonomi sebaris bangsa lain selain melatih dan mendidik anak Melayu supaya menjadi peneraju, berdaya saing, berfikiran global tetapi masih berpaksi kepada adat resam.

#### Perteguh institusi keluarga

Katanya, masyarakat Melayu juga perlu menyuburkan nilai mahmudah, berjiwa besar serta mempunyai semangat juang tinggi.

"Perlu mempunyai jiwa yang patriotik kepada anak watan dan jauhi segala sifat mazmumah.

Orang Melayu juga disaran memperteguhkan institusi kekeluargaan, hormat menghormati, berkasih sayang dan tolong menolong sesama Melayu dan menjauhi sifat negatif," katanya.

Pada majlis sama, semua hadirin turut menandatangani Warak Waad Misi Melayu Abad Ke-21 yang akan dijadikan paksi kelangsungan warisan peradaban bangsa Melayu masa depan secara serentak.

Najib seterusnya menarik perhatian hadirin bahawa bangsa Melayu sudah berjalan jauh dan berjaya melakar pelbagai pencapaian.

Namun, ini tidak menghalang beliau daripada mengajak orang Melayu untuk terus bertanyakan soalan terhadap diri mereka sendiri: "Apa kita boleh buat atas nama orang Melayu? Apa kita boleh menyumbang?"

Menurutnya, persoalan itu perlu difikirkan oleh bangsa Melayu kontemporari kerana mereka kini tidak boleh lagi bergantung harap kepada kerajaan semata-mata untuk lebih berjaya dan menjamin masa depan mereka.

Untuk komen,  
hantar e-mel menerusi  
bhnews@bh.com.my  
atau di laman Facebook  
BH Online